

'Ubah corak pemikiran'

Perkhidmatan awam perlu kaedah baru laksana tugas: TPM

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mengingatkan anggota perkhidmatan awam tidak terkongkong dengan apa yang mereka lakukan pada masa lalu sebaliknya mencari kaedah dan cara baru untuk meningkatkan mutu perkhidmatan supaya mencapai taraf dunia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, cabaran bagi anggota perkhidmatan awam adalah untuk melaksanakan anjakan paradigma dan ini memerlukan perubahan radikal dalam corak pemikiran, bermakna ia perlu dikaji semula.

Dengan globalisasi, terutama melalui kebangkitan kuasa ekonomi baru seperti China dan India, beliau berkata, perkhidmatan awam perlu melaksanakan strategi sesuai dengan perubahan persekitaran.

"Perkhidmatan awam mesti kreatif, selalu mengemukakan pertanyaan dan mencari jawapan cara baru melakukan tugas. Metodologi lama yang serupa tidak lagi relevan dengan persekitaran baru yang berubah.

"Perkhidmatan awam tidak boleh terkongkong dengan apa yang mereka lakukan di masa lalu, Mereka perlu mencari cara dan metodologi baru dalam melaksanakan tugas," katanya ketika merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam ke-11 di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara, di sini, semalam.

Katanya, adalah penting untuk membuat penilaian semula terhadap



SAMPAI AMANAT: Najib menyampaikan ucapan pada Persidangan Perkhidmatan Awam ke-11 di Intan Bukit Kiara, semalam.

keperluan teknikal dari segi keupayaan, kemahiran dan latihan.

Beliau berkata, sudah tiba masanya perkhidmatan awam memberi tumpuan kepada hasil, dan bukan hanya output dalam konteks sistem penyampaian kerana hasil itulah akhirnya yang akan memberi kesan kepada orang yang mengharapkannya.

"Perkhidmatan awam tidak boleh terlalu memberi perhatian kepada output," katanya.

Najib berkata, walaupun mutu per-

FAKTA NOMBOR

Kedudukan daya saing Malaysia

23

Kedudukan tahun ini

28

Kedudukan pada 2005

khidmatan awam negara semakin meningkat seperti kedudukan daya saing Malaysia yang meningkat ke tangga 23 tahun ini dari tangga ke-28 tahun lalu, perkhidmatan awam juga tidak boleh berpuas hati tetapi mesti bekerja lebih keras.

Beliau berkata, sistem penyampaian perkhidmatan melampaui kebiasaan seharusnya menjadi norma dan tidak disifatkan sebagai sesuatu yang luar biasa dalam usaha menjadikan sektor awam Malaysia bertaraf dunia.